

Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad Ke-21 (2001-2015)

Siti Wahidah binti Mustapa¹ & Muhd Najib bin Abdul Kadir²

Email: ¹sitiwahidah795@gmail.com & ²abunaseh@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Usaha mentafsirkan al-Quran merupakan suatu keperluan untuk mendekati umat Islam memahami isi kandungan al-Quran. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti penulisan karya-karya tafsir di Malaysia abad ke-21 (2001-2015). Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang mana proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis dokumen. Manakala proses penganalisan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa tafsiran secara *tahlili* mendominasi penghasilan karya-karya tafsir di Malaysia pada masa kini. Dalam masa yang sama, tumpuan pentafsiran al-Quran kebanyakannya berdasarkan surah-surah yang terpilih. Hal ini berlaku kerana, kebanyakan surah-surah tersebut merupakan surah-surah yang sering dipelajari, dihafal dan dibaca oleh umat Islam dalam sembahyang.

Kata Kunci: *Penulisan tafsir di Malaysia, Abad 21*

Abstract

Interpretation of Quran is needed to assist Muslims in understanding the contents of the Quran. The focus of this research is to identify interpretation works of the Quran in the 21st century (2001-2015) in Malaysia. This research uses qualitative design method, whereby data collection was carried out by analysing documents. Meanwhile, data analysis proses was done using descriptive method. It is discovered that, these days, the *tafsir tahlili* dominates the production of the works in Malaysia. The focus of the interpretation of the Quran are mostly based on selected surahs. This is because, as most of the selected surahs are often studied, memorized and recited by Muslims in their prayer.

Keywords: *Malay Quranic interpretation, 21st century*

1. Pengenalan

Dalam meniti arus kemodenan ini, dengan berkembangnya zaman ilmu tafsir juga turut berkembang dengan pelbagai metode dan corak pentafsiran yang digunakan sekali gus merupakan konsekuensi daripada perkembangan ilmu tafsir. Hal ini bertepatan dengan pandangan Musyrifah (2007) yang menyimpulkan bahawa tafsir al-Quran merupakan hasil karya manusia. Justeru itu, pentafsiran al-Quran di antara satu mufasir dengan mufasir yang lain mempunyai perbezaan. Hal ini terjadi bukan hanya disebabkan oleh perbezaan latar belakang pendidikan seseorang, bahkan ia juga dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa sejarah, politik, pemikiran serta keadaan masyarakat ketika itu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan di Malaysia abad ke-21 (2001-2015). Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kerangka konsep yang dibuat oleh Haziyah et al. (2012) dalam kajiannya yang berjudul “*The Trend of Malay Quranic*

Commentary Writing in Malaysia in the 20th Century". Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengambil pendekatan analisis dokumen dalam pengumpulan data. Ia terdiri daripada buku, artikel, jurnal serta tesis. Antara dokumen dan buku yang dijadikan sumber bagi mendapatkan data kajian adalah berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mustaffa Abdullah dan Abdul Manan (2009) bertajuk "*Khazanah Tafsir di Nusantara: Penelitian Terhadap Tokoh dan Karyanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand*", kajian Mustaffa Abdullah dan Muhammad Mursalin (2014) berjudul "*Juhud Ulama al-Muslimin fi Tarjima Ma'ani al-Quran al-Karim: Ulama Maliziya wa Srilanka Anmuzajan*" dan karya Mustaffa Abdullah (2009) bertajuk "*Khazanah Tafsir di Malaysia*". Kemudian data ini akan dianalisis secara deskriptif. Di samping itu, kajian ini telah menentukan metodologi pentafsiran yang digunakan sama ada secara *ijmali*, *tahlili*, *maudu'i*, dan *muqaran*. Dalam pada itu, jenis penulisan juga diambil kira dalam kajian ini seperti surah, juzuk, ayat-ayat yang dipilih serta tertib mashaf. Data kemudiannya disusun mengikut kronologi tahun bermula daripada tahun 2001 sehingga 2015.

2. Penulisan Karya-Karya Tafsir di Malaysia Abad Ke-21

Mustaffa Abdullah dan Abdul Manan (2009) mengatakan bahawa penulisan karya-karya tafsir di Malaysia merupakan kesinambungan daripada pengajian tafsir yang diadakan di masjid, pondok dan institusi pengajian formal. Dengan adanya institusi-institusi pengajian Islam sama ada di dalam atau di luar negara, maka lahirlah ramai ilmuwan yang menguasai bidang keilmuan Islam termasuklah ilmu tafsir sehingga mereka dapat menghasilkan karya-karya tafsir baik secara sendirian mahupun berkumpulan. Hal ini dibuktikan menerusi kajian Ismail Yusoff (1995) dan Mazlan Ibrahim (2007) yang menyatakan bahawa kebanyakan mereka adalah graduan Universiti Timur Tengah seperti Makah, Madinah, Mesir, Pakistan, India dan lain-lain lagi.

Justeru itu, pengaruh daripada institusi-institusi tersebut telah mewarnai kepelbagaian corak pentafsiran al-Quran yang dibawa oleh mereka. Dakwaan ini memang tepat kerana mengikut kajian Norhasnira (2013) usaha-usaha pentafsiran al-Quran di Malaysia pada abad ke-21 diteruskan oleh ulama kontemporari malahan kebanyakan mereka masih aktif dalam usaha untuk menyebarkan ilmu agama sehingga hari ini. Impak daripada hal ini memperlihatkan bahawa karya-karya tafsir di Malaysia telah dihasilkan oleh ramai cendekiawan Islam dengan pelbagai aliran sesuai dengan latar belakang pendidikan masing-masing. Secara keseluruhannya jadual berikut menunjukkan jumlah karya tafsir di Malaysia abad ke-21 (2001-2015):

Bil	Tahun Terbitan	Nama Kitab	Penulis/Penterjemah	Metodologi Tafsir	Jenis Penulisan
1.	2001	Tafsir al-Munir Juz 'Amma	Ishak Sulaiman & Zulkifli Mohd Yusof et al.	Terjemahan	Juzuk
2.	2002	Al-Tibyan Dalam Menafsirkan Al-Quran, Tafsir Surah Al-Luqman	Abdul Hadi Awang	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
3.	2002	Al-Tibyan Dalam Menafsirkan Al-Quran, Tafsir Surah Al-Fill Dan Al-Hasyr	Abdul Hadi Awang	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
4.	2002	Tafsir al-Munir Juz 27	Abdul Karim Ali & Ahmad Hasan Mohd Nazam et al.	Terjemahan	Juzuk
5.	2003	Surah Al-Falaq Waspada Kejahatan Makhluq	Arifin Omar	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah

6.	2003	Mengenali Allah Melalui Ayat-Ayat Suci al-Quran	Mohd Rashad Shamsuddin	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih Juzuk
7.	2003	Tafsir al-Munir Juz 28	Ahmad Hasan Mohd Nazam&Mohd Hapiz Mahaiyadin et al.	Terjemahan	Surah
8.	2003	Kupasan Surah-Surah Tabarak Pencegah Seksaan Kubur	Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh	Terjemahan	Surah
9.	2004	Keadilan Dan Toleransi Dalam Al-Quran	Harun Yahya	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
10.	2004	Keindahan Hidup Dalam Al-Quran	Harun Yahya	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih Tertib Mashaf
11.	2004	Tafsir Al-Hidayah Terjemahan Dan Tafsir Ringkas Al-Quran Al-Karim	Muhammad bin Abd. Latif	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
12.	2004	Tafsir Surah Yaasin Dari Perspektif Sains Dan Sejarah	Zawawi Haji Ahmad	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tartib Mashaf
13.	2004	Al-Muhtamir Tafsir al-Quran Juz 1-30	Asmaji Aes Muhtar	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
14.	2004	Tafsir Al-Munir Juz 29	Mohd Fauzi Hamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah et al.	Terjemahan	Juzuk
15.	2005	Ekonomi Dalam Perspektif Al-Quran Dan Al-Sunah	Mohd. Radzi Othman & Ghafarullah Huddin Din	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
16.	2005	Tafsir Juz 'Ammah Fadilat & Amalannya	Hasan Muhd Hj Al-Khair	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
17.	2005	Tafsir Pedoman Muttaqin (Juz 28&29)	Abdul Hayei Bin Abdul Sukor	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
18.	2006	Mashaf Tajwid Berserta Terjemahan Ke Dalam Bahasa Malaysia	Sheikh Abdullah Basmeih	Terjemahan	Tartib Mashaf
19.	2006	Sumbangan Islam Kepada Sektor Pertanian Negara Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah	Abdullah Al-Qari Bin Salleh	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
20.	2007	Rahsia Kejadian Tubuh Dan Organ Manusia Menurut Al-Quran & Sains	Abdul Latief Ghazali	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
21.	2007	Tafsir Al-Munir Juz 1, 2 & 3	Mustaffa Abdullah, Zakaria Omar & Abd Karim Ali et al.	Terjemahan	Juzuk
22.	2008	Surah Luqman:Mendidik Anak Cemerlang	Abdul Rashid Ahmad	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah
23.	2008	Surah Al-Mulk	Yasir Ismail Radi	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
24.	2008	Tafsir Pedoman Muttaqin (Juz 1&2)	Abdul Hayei Bin Abdul Sukor	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
25.	2008	Surah Al-Rahman Tafsiran & Fakta-Fakta Saintifik	Salleh Ismail Yusuf Al-Muti'e	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
26.	2008	Barisan Jin Ifrit Dan Gangguannya Menurut Al-Quran	Abdullah Al-Qari Bin Salleh	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih

27.	2008	Surah Al-Waqi'ah: Terjemahan Dan Huraian	Zulkifli Mohd Yusoff	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
28.	2008	Membongkar Rahsia Al-Quran Mukadimah Al-Quran Surah Al-Fatihah	Shamsuddin Moner El-Askarey	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
29.	2008	Tafsir Ayat-Ayat Yaa Ayyuhal Lazina Aamanu Jilid 1	Juhan Che Yaman	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih
30.	2008	Perbendaharaan al-Quran	Sulaiman Ibrahim el-Barruhiy	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tertib Mashaf
31.	2009	Tafsir Al-Qarni, Cara Mudah Memahami Al-Quran Surah Al-An'am, An-Nur, An-Nas	Nor Hasanuddin	Terjemahan	Surah
32.	2009	Fenomena Alam Dalam Al-Quran	Muhammad Uria Hasnan Sidik	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih
33.	2009	Memahami Keindahan Surah Yasin	Mohd Zamri Mohd Zainuddin & Mohd Wahid Abd Hanif	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
34.	2009	Tafsir Surah Al-Dhariyat	Zulkifli Mohd Yusoff	Terjemahan	Surah
35.	2009	Tafsir Wanita Dalam Al-Quran	Jamaluddin Ibrahim Mydin	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih
36.	2009	Juz 'Amma Translation & Commentary	Abdullah Yusuf Ali	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
37.	2009	Tafsir Ayat-Ayat Yaa Ayyuhal Lazina Aamanu Jilid 2	Juhan Che Yaman	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih
38.	2009	Tafsir Mubin	Salahuddin Abdullah & Omar Khalid	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tertib Mashaf
39.	2010	Bacalah Surah Al-Waqi'ah, Rezeki Anda Akan Menjadi Mudah	Abu Ahmadain Al-Muhajiri	Terjemahan	Surah
40.	2010	The Power Of Surah Yasin, Membedah Jantung Al-Quran	Abdul Wahab Mohd Salleh	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
41.	2010	Al-Quran Berbicara Tentang Takwa	Raja Ahmad Mukhlis bin Raja Jamaludin	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
42.	2010	Fizilal Rahman Di Bawah Naungan Maha Penyayang	Mohd. Rumaizuddin Ghazali	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
43.	2011	Nurul Furqan Juzuk 'Amma	Unit Terjemahan Telaga Biru Sdn Bhd	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
44.	2011	Himpunan Kisah-Kisah Menarik Daripada Al-Quran	Hamid Ahmad Ath-Thahir	Terjemahan	Ayat-Ayat Yang Dipilih
45.	2011	Tafsir Ayat Ahkam	Zulkifli Mohd Yusoff	<i>Tafsir Tahlili</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
46.	2011	Al-Tibyan Dalam Menafsirkan Al-Quran, Surah As-Saff	Abdul Hadi Awang	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
47.	2011	Tidurnya Mereka 309 Tahun Ashabul Kahfi	Abdul Fatah Zakaria	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah
48.	2011	Tafsir Al-Tibyan Dalam Menafsirkan Al-Quran Surah Al-Hujurat	Abdul Hadi Awang	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah

49.	2011	Memahami Keindahan Surah Al-Kahfi	Mohd Zamri Mohd Zainuddin & Mohd Wahid Abdul Hanif	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
50.	2011	Tanda-Tanda Orang Munafik Dalam Al-Quran	Noraini Abdullah	Terjemahan	Ayat-ayat Yang Terpilih Surah
51.	2012	An-Naba', At-Takwir, At-Thaariq, Al-Ghasiyyah, Al-Lail	Nik Abdul Aziz Nikmat	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
52.	2012	Tafsir Surah Al-Naml Dari Perspektif Sains Dan Sejarah	Zawawi Ahmad	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
53.	2012	Tafsir Ayat-Ayat Ramadan	Heizal Hezry Omar	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
54.	2012	Ayat-Ayat Syaitan, Membongkar Rahsia Jin, Syaitan Dan Iblis Dalam Al-Quran	Abdullah Bukhari Abdul Rahim	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
55.	2012	Rahsia Kekuatan Surah Yasin	Abu Ezzat Al-Mubarak & Zainal Arifin	Terjemahan	Surah
56.	2012	Membongkar Kehebatan Surah Sajdah & Al-Insan	Ahmad Sidqi Danial	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
57.	2012	Keagungan Surah Yasin	Muhammad Rifa	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
58.	2012	Petunjuk Dan Pengajaran Dalam Surah As-Sajdah & Al-Insan	Abdul Wahab Md. Salleh	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
59.	2012	Al-Quran Al-Karim al-Nur	Al-Hidayah House Of Quran	Terjemahan	Tertib Mashaf
60.	2013	Hikmah Surah Al-Kahfi	A Razak Muthalib	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
61.	2013	Ajarkan Wanita Surah Al-Nur Bhg. 1	Nafisah Tahir & Kamal Ashaari	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah
62.	2013	Tafsir Maudu'i, Surah-Surah Pilihan	Zulkifli Mohd Yusoff & Ahmad Hasan Farhat	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah
63.	2014	Al-Tafsir Al-Maudu'i Lafaz Al-Nafar Dalam Al-Quran	Abur Hamdi Usman & Mazlan Ibrahim	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih
64.	2014	Tafsir Surah Al-Kahfi	Abdul Hadi Awang	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
65.	2014	Tafsir maudu'i Jilid 1-10	Rijaluddin Yahya et al.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat Yang Dipilih
66.	2015	Harta Menurut Perspektif Al-Quran	Muhd Najib Abdul Kadir & Mazlan Ibrahim	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-Ayat Yang Dipilih

Jadual 1: Senarai Karya Tafsir Di Malaysia Abad ke-21 (2001-2015)

3. Analisis Dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan senarai karya tafsir di Malaysia mengikut tahun penerbitan, nama kitab bersama dengan penulis, metode pentafsiran dan jenis penulisan. Secara keseluruhan sepanjang tahun 2001 hingga 2015, pengkaji telah menemui sebanyak 66 buah karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan Islam di Malaysia. Pada tahun 2001 hanya sebuah karya tafsir yang ditemui oleh pengkaji iaitu *Tafsir Juz 'Amma* terjemahan daripada kitab *Tafsir al-Munir*.

Namun begitu, tahun 2002 mendedahkan pertumbuhan sebanyak tiga karya tafsir, bahkan karya tafsir yang dihasilkan juga berbeza iaitu dari terjemahan kepada *tafsir tahlili*. Karya-karya tersebut adalah *Al-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Tafsir Surah Al-Luqman* dan *Al-Tibyan Dalam Menafsirkan al-Quran Tafsir Surah Al-Fill dan Al-Hasyr* dan *Tafsir Al-Munir Juz 27*. *Tafsir Al-Tibyan* merupakan siri pengajian tafsir oleh Abdul Hadi Awang di Masjid Rusila, Marang Terengganu. Menurut Ismail Yusoff (1995), Mustaffa Abdullah (2009) dan Norhasnira (2013) yang mengatakan bahawa kitab tafsir ini ditulis sebagai tinggalan legasi seorang ulama Haraki. Manakala metode yang digunakan dalam tafsir ini adalah *tafsir bil ma'thur* serta tafsiran daripada ulama salaf dan khalaf. Di samping itu, kitab tafsir ini juga menyentuh mengenai isu-isu semasa supaya umat Islam peka dan sedar mengenai keadaan dan tanggungjawab mereka.

Pada tahun 2003 pula, munculnya *tafsir ma'udu'i*. *Tafsir ma'udu'i* adalah antara karya tafsir yang sangat popular pada masa kini. Tambah Rijaluddin et al. (2014) *tafsir ma'udu'i* menghimpunkan pelbagai ayat yang memiliki tema yang sama pada satu tempat. Misalnya, jika pembaca ingin mengetahui ibadat menurut al-Quran, maka ia akan terus menyelami hakikat tersebut. Ini sedikit sebanyak akan memudahkan pembaca untuk mencapai matlamat yang dicari dalam masa yang lebih singkat. Justeru, masyarakat Islam hari ini sangat memerlukan kepada metode *tafsir ma'udu'i*. Ini kerana, tafsiran dengan metode sedemikian membolehkan seseorang memahami masalah dan fenomena yang di bahas dan segera sampai kepada masalah dengan jalan yang singkat, praktis dan mudah.

Hal ini sejajar dengan pandangan Mustaffa Abdullah dan Muhammad Mursalin (2014) yang menyatakan kebanyakan karya-karya tafsir dan terjemahan di Malaysia pada masa kini mempunyai tajuk atau tema-tema tertentu yang menjadi perhatian ulama dan cendekiawan Islam di Malaysia. Sebagai contoh Arifin Omar telah menulis buku *Tafsir Surah Al-Falaq Waspada Kejahatan Makhhluk* sementara itu Mohd Rashid Shamsuddin telah menghasilkan buku *Mengenal Allah Melalui Ayat-Ayat Suci Al-Quran*.

Bilangan karya tafsir pada tahun 2004 menunjukkan peningkatan sebanyak enam buah karya tafsir telah diterbitkan. Peningkatan tersebut telah melahirkan karya tafsir lengkap 30 juzuk iaitu *Al-Muhtamir Tafsir Al-Quran* yang dihasilkan oleh Asmaji Aes Muhtar. Beliau mula menulis tafsir ini pada tahun 1998M dan berakhir pada 16 Julai 2002M bersamaan 5 Jamadil Awal 1423H. Dalam kesibukan beliau melakukan pelbagai aktiviti termasuklah menulis dan menterjemah buku, beliau juga berjaya menyusun sebuah teks tafsir yang sederhana, ringan, mudah difahami tanpa huraian yang panjang iaitu *Al-Muhtamir Tafsir al-Quran* (Asmaji 2004).

Akan tetapi, pada tahun 2005 jumlah karya tafsir menurun kepada tiga buah karya tafsir telah diterbitkan. Malah buku pertama lebih kepada *tafsir ma'udu'i* iaitu *Ekonomi Dalam Perspektif Al-Quran Dan Al-Sunah* oleh Mohd. Radzi Othman dan Ghafarullah Huddin Din, manakala buku kedua adalah *tafsir tahlili* iaitu *Tafsir Juz 'Amma Fadilat & Amalannya* oleh Hasan Muhd Al-Khair. Sungguhpun begitu, tahun 2005 juga munculnya *Tafsir Pedoman Muttaqin (Juz 28&29)*. Kitab tafsir ini dihasilkan oleh Abdul Hayyei Abdul Sukor yang merupakan bekas pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Abdul Hayei 2008).

Menurut Mustaffa Abdullah (2009) dan Norhasnira (2013) penghasilan kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* bertitik tolak daripada saranan mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri 'Abdullah Ahmad Badawi menyarankan agar interpretasi terhadap isi kandungan al-Quran perlu sentiasa dinamik sejajar dengan keunggulan Islam. Rentetan daripada perkara tersebut, beberapa sesi perbincangan dilakukan yang akhirnya Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) memberi mandat kepada Abdul Hayei Abdul Sukor untuk menyusun sebuah kitab tafsir sebagai pedoman kepada ummah dan demi ketinggian agama Islam di Malaysia.

Malangnya, jumlah karya tafsir menurun pada tahun 2006 dan 2007 iaitu hanya dua karya diterbitkan. Malah karya tersebut lebih kepada terjemahan dan *tafsir ma'udu'i* iaitu *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan ke*

Dalam Bahasa Malaysia, terjemahan *Tafsir Al-Munirr Juz 1,2 dan 3, Sumbangan Islam Kepada Sektor Pertanian Negara Menurut Al-Quran Dan Al-Sunah* dan *Rahsia Kejadian Tubuh Dan Organ Manusia Menurut Al-Quran Dan Sains*. Manakala karya tafsir pada tahun 2008 dan 2009 mendedahkan pertumbuhan sebanyak sembilan dan lapan buah karya tafsir dengan gaya yang berbeza.


Pada tahun 2008, telah muncul *Tafsir Perbendaharaan Al-Quran* yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kitab tafsir ini telah dilancarkan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang bertempat di Masjid As-Salam, Puchong Perdana, pada 16 September 2009. Projek ini akan mengambil masa selama lima tahun bagi menyiapkan 30 juzuk kandungan al-Quran dan sekali gus menambah koleksi kitab tafsir dalam bahasa Melayu di Malaysia. Menurut Mohd Tamyas (2008) tafsir ini ditulis bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam khususnya di Malaysia yang tidak mampu memahami bahasa Arab, tambahan lagi bilangan penutur bahasa Melayu lebih ramai jika dibandingkan dengan penutur bahasa Arab di negara ini.

Tambah Mohd Tamyas (2008) lagi, mutakhir ini rata-rata umat Islam terus menerus ditimpa dengan pelbagai *mihnah*, di samping desakan arus globalisasi serta dakwaan dan kekeliruan yang melampau yang di canang oleh musuh Islam menjadikan penguasaan ilmu melalui penghayatan al-Quran merupakan langkah yang sesuai dan tepat bagi mengukuhkan benteng keimanan dan menjiwai kekuatan jati diri umat Islam. Hal ini kerana, setiap isi kandungan al-Quran telah terbukti sesuai dan menepati keperluan manusia sepanjang zaman.

Bagi tahun 2009 pula, telah muncul karya tafsir terkini lengkap 30 juzuk iaitu *Tafsir Mubin*. Kitab tafsir ini dikarang oleh dua orang anak jati Kelantan iaitu Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. Menurut Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid (2009) tujuan utama tercetusnya penghasilan karya ini adalah disebabkan rasa bertanggungjawab untuk memberikan sumbangan kepada putera dan puteri kandung mereka dan juga kepada generasi muda yang tidak berpeluang mengikuti pengajian bahasa Arab. Dalam pada itu, mereka berdua juga sering didatangi dan dihubungi oleh sahabat dan rakan taulan agar segera menulis sebuah kitab tafsir al-Quran yang sederhana tidak terlalu ringkas dan tidak panjang. Hal ini juga bagi mengelakkan segelintir masyarakat daripada terjerumus ke dalam penyelewengan tafsir al-Quran.

Namun begitu, hanya empat buah karya tafsir dapat dikesan pada tahun 2010. Setelah itu, bilangan tafsir pada tahun 2011 dan 2012 menyaksikan peningkatan sebanyak lapan dan sembilan karya tafsir yang berbeza corak dan gaya pentafsiran. Walau bagaimanapun, tumpuan tidak berubah dan masih berpusat pada terjemahan, *tafsir ijmalī*, *tafsir tahlīlī* dan *tafsir maūdu'i*. Malangnya, jumlah karya tafsir menurun dengan ketara pada tahun 2013 dan 2014 dengan hanya tiga buah karya tafsir diterbitkan. Pada tahun 2014, lahirnya karya *tafsir maudu'i* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu *Tafsir Maudu'i Jilid 1-10* oleh Rijaluddin Yahya et al. Buku ini merupakan *tafsir maudu'i* versi bahasa Melayu pertama yang diterbitkan di Malaysia. Dalam buku ini terdapat sepuluh tema penting berkaitan isu semasa di Malaysia bahkan tafsiran ayat-ayat dalam buku ini di sokong oleh hadis-hadis sahih dan dikaitkan dengan kehidupan sosial, budaya, politik dan agama masyarakat di Malaysia (Rijaluddin Yahya et al. 2014). Manakala pada tahun 2015 hanya sebuah karya tafsir dihasilkan iaitu *Harta Menurut Perspektif al-Quran* yang ditulis oleh Muhd Najib Abdul Kadir dan Mazlan Ibrahim.


Bagi melihat pembahagian dan bilangan karya tafsir di Malaysia abad ke-21 dengan lebih jelas, maka perhatikan Carta Pai 1 berikut:



Carta Pai 1: Bilangan Karya Tafsir Mengikut Tahun

Carta Pai tersebut menunjukkan bahawa jumlah karya tafsir yang dihasilkan antara tahun 2001 hingga 2003 adalah sangat sedikit berbanding dengan tahun selepas itu. Oleh yang demikian, pada tahun 2004 bilangan karya tafsir didapati sedikit meningkat dengan enam karya tafsir dihasilkan. Malangnya pada tahun 2005 hingga 2007 penghasilan karya tafsir kembali berkurang. Namun demikian, tahun 2008 hingga 2009 karya tafsir yang diterbitkan kembali meningkat dengan ketara sehingga mencecah sembilan dan lapan buah karya tafsir telah dihasilkan. Seterusnya, tahun 2010 menyaksikan penerbitan karya tafsir kembali menurun manakala pada tahun 2011 hingga 2012 jumlah karya-karya tafsir menunjukkan peningkatan dengan penerbitan sebanyak tujuh dan sembilan karya tafsir dihasilkan. Malangnya, karya-karya tafsir yang dihasilkan pada tahun 2013 hingga 2015 adalah sangat sedikit berbanding dengan tahun sebelumnya.


Carta Pai di bawah menunjukkan metode dan pendekatan tafsir yang digunakan oleh ulama dan cendekiawan di Malaysia:



Carta Pai 2: Metode Tafsiran Al-Quran

Carta Pai 2 menunjukkan tafsiran al-Quran menggunakan pendekatan *tafsir tahlili* menerima banyak perhatian daripada cendekiawan dan ulama di Malaysia iaitu sebanyak 36% (24 buku). Ini kerana, *tafsir tahlili* adalah salah satu metode pentafsiran al-Quran secara analisis dari pelbagai sudut. Sementara penghasilan karya-karya terjemahan pula mendominasi tempat kedua dengan memperoleh sebanyak 29% (19 buku) dan *tafsir maudu'i* mencatatkan jumlah sebanyak 27% (18 buku). Akhir sekali, *tafsir ijmali* berada pada kedudukan terendah dengan memperoleh sebanyak 8% (5 buku).

Carta Pai berikut menunjukkan peratusan jenis penulisan tafsir di Malaysia iaitu karya tafsir berdasarkan kepada juzuk, surah, tertib mashaf dan ayat-ayat yang dipilih. Semua ini ditunjukkan dalam Carta Pai 3 di bawah:



Carta Pai 3: Jenis Penulisan Tafsir

Pentafsiran al-Quran berdasarkan surah-surah terpilih mendapat peratusan dan jumlah tertinggi sebanyak 44% (29 buku). Terikat dengan karya-karya kedua tertinggi ialah ayat-ayat yang dipilih dengan memperoleh sejumlah 32% (21 buku). Ketiga tertinggi adalah karya-karya tafsir mengikut juzuk yang dipilih iaitu sebanyak 15% (10 buku). Akhir sekali karya-karya tafsir yang disusun mengikut urutan atau tertib mashaf didapati kurang menonjol dan menerima peratusan terendah iaitu sebanyak 9% (6 buku).

4. Kesimpulan

Usaha mentafsir al-Quran merupakan keperluan untuk mendekati umat Islam memahami isi kandungan al-Quran. Justeru, pelbagai metode pentafsiran dan jenis penulisan digunakan untuk mencapai tujuan tersebut. Dalam pada itu, karya-karya tafsir yang dihasilkan pada masa kini bersifat kontemporari di samping ramai pentafsir menggabungkan pelbagai isu semasa dalam penulisan mereka sehingga menarik minat masyarakat untuk memahami Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Perkembangan ini juga telah melahirkan sejumlah tokoh yang berwibawa dan puluhan karya-karya yang bermutu dalam bidang pentafsiran al-Quran. Ketokohan dan sumbangan mereka khususnya dalam pentafsiran al-Quran perlu dirai dan khazanah ilmu yang ditinggalkan perlu dikaji dan digali agar rantainya tidak terputus dan dapat diguna pakai oleh umat Islam dari masa ke semasa.

Rujukan

- Abdul Hayei Abdul Sukor, 2008, *Tafsir Pedoman Muttaqin Juz 1, 2, 28 & 29*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Asmaji Aes Muhtar, 2004, *al-Muhtamir Tafsir al-Quran*, Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Haziyah Hussin, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Kharuddin Mohd Amin, Sabri Mohamad, Fadlan Mohd Othman, Mohd Arif Nazri Dan Faisal Ahmad Shah. 2012. The Trend Of Malay Quranic Commentary Writing In Malaysia In The 20th Century. *Journal of Applied Sciences Research* 8(8): 4343-4349.
- Ismail bin Yusoff. 1995. Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia. Tesis Phd, Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya.
- Ismail bin Yusoff. 1995. Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia. *Journal Islamiyyat* 16: 19-32.
- Mazlan Ibrahim, 2007, *Perkembangan Pengajian Ilmu Tafsir Al-Quran di Alam Melayu Pada Abad Ke-18 Hingga Abad Ke-20*, Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.

- Mohd Tamyas Abd Wahid, 2008, *Perbendaharaan al-Quran*, Selangor: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mustaffa Abdullah Dan Abdul Manan Syafi'i. 2009. Khazanah Tafsir di Nusantara: Penelitian Terhadap Tokoh dan Karyanya di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand. *Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan* 1(25): 31-46.
- Mustaffa Abdullah dan Muhammad Mursalin. 2014. Juhud Ulama al-Muslimin fi Tarjimah Ma'ani al-Quran al-Karim: Ulama Maliziya wa Srilanka Anmuzajan. *Journal Usuluddin* (39): 201-235.
- Musyrifah Susanto, 2007, *Sejarah Peradaban Islam Indonesia*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Norhasnira Ibrahim. 2013. The Evolution Of Quranic Interpretation Writings In Malaysia From The 17th To 21st Century. *International Journal of Education and Research* 1(7).
- Rijaluddin Yahya, Mohd Sukki Othman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohammad Zaini bin Yahya, farahwahida Mohd. Yusof, Arieff sallah, Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Lukman Abdul Mutalib dan Wan Nordin Wan Abdullah, 2014, *Tafsir Ma'udu'i*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salahuddin Abdullah Dan Omar Khalid, 2009, *Tafsir Mubin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.